

Untuk Siaran Segera



RESIDENSI SERI MAHKOTA (SUNGAI ULAR) SIAP DIBINA

Projek PR1MA Lain Di Negeri Kedah Dijangka Akan Siap Seawal Suku Keempat 2023

KULIM, KEDAH, 4 JULAI – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) sedang menggiatkan usaha untuk menyiapkan projek-projeknya di Kedah dan telah berjaya menyiapkan Residensi Seri Mahkota (Sungai Ular) baru-baru ini. Juga, dua lagi projek PR1MA di Kedah dijangka siap menjelang tahun 2024. Ini adalah hasil usaha kerjasama PR1MA, Taskforce Projek Sakit di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta pihak-pihak berkepentingan lain.

Projek Residensi Seri Mahkota (Sungai Ular) yang dibina oleh kontraktor lantikan PR1MA, Bina Maju Sdn. Bhd. telah memperolehi Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) pada 15 Mac 2023 yang lalu bagi unit rumah dan telah menerima CCC bagi kemudahan dewan baru-baru ini. Kini, pihak kontraktor sedang giat menjalankan kerja-kerja pembaikan kecacatan kritikal sebelum penyerahan kunci dapat diberikan kepada pembeli yang dijangka pada bulan September ini.

Manakala, bagi Projek Residensi Junjong, kontraktor penyelamat yang telah dilantik untuk menyiapkan projek ini, iaitu Bumita Sdn. Bhd. bagi menggantikan kontraktor asal, Isaga Utara Sdn Bhd. Kini, kerja-kerja ditapak tertumpu kepada penyiapan baki kerja seperti kerja membaik pulih dan kerja-kerja pembinaan seperti kemudahan awam, lot kedai, dan pos pengawal. Kerja-kerja pembinaan infrastruktur termasuk jalan (dalaman dan luaran), bahu jalan, retikulasi air dan pagar juga sedang dijalankan dengan kapasiti pekerja keseluruhan sebanyak 200 orang pekerja untuk mempercepatkan penyiapan kerja-kerja pembinaan.

Sebagai nilai tambah untuk projek Residensi Junjong, PR1MA telah menjalankan inisiatif “*Rectify and Pacify*” seperti kerja-kerja penambahbaikan landskap dan sedang mengenalpasti potensi skop kerja yang boleh ditambahbaik bagi memastikan projek ini disiapkan dengan piawaian kualiti yang tinggi sebelum penyerahan kunci kepada para pembeli dilakukan. PR1MA juga memberikan laporan kemaskini secara bulanan kepada semua pembeli agar mereka sentiasa mendapat maklumat terkini berkaitan projek ini.

Bagi Projek Residensi Simpang Empat 2 pula, pihak PR1MA kini sedang dalam proses memperhalusi serta memuktamadkan pelan mitigasi dan strategi bagi penyiapan projek ini melalui proses lantikan kontraktor penyelamat bagi menggantikan kontraktor asal iaitu Mentari Plaza Sdn Bhd yang tidak boleh menyiapkan projek Residensi Simpang Empat 2.

Isu pengambilan tanah bagi jalan masuk utama yang tidak diselesaikan oleh kontraktor asal telah menyumbang kepada kelewatan projek ini. PR1MA telah mengambil langkah proaktif untuk menyelesaikan isu tersebut sendiri. Setakat ini PR1MA telah menerima kelulusan pengambilan tanah di bawah Seksyen 8 daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan telah diwartakan pada 8 Jun 2023. Kini, PR1MA juga sedang dalam proses mendapatkan penilaian akhir tanah daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) yang dijangka akan selesai pada akhir Julai 2023 sebelum kerja-kerja pembinaan jalan dapat dilakukan. PR1MA tetap komited dan proaktif dalam memastikan isu pengambilan tanah dapat diselesaikan dan penyiapan jalan dapat dilaksanakan secepat mungkin.

Seramai 499 pembeli Residensi Junjong dan 190 pembeli Residensi Simpang Empat 2 telah menerima pembayaran awal Sebahagian Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan (PLAD) bagi mengurangkan beban kewangan akibat kelewatan penyiapan projek.

Dengan kepercayaan dan sokongan daripada KPKT, Kerajaan Negeri, PBT, agensi-agensi teknikal berkaitan serta para pembeli, PR1MA yakin projek-projek ini akan dapat disiapkan selewat-lewatnya pada suku keempat 2023. Setakat Jun 2023, PR1MA telah pun menyiapkan sebanyak 9 daripada 20 projek sakit di seluruh negara dan kesemua baki projek sakit di bawah PR1MA dijangka akan dapat disiapkan menjelang akhir tahun hadapan.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman web PR1MA di www.pr1ma.my atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada hari umum di Negeri Selangor) atau emel kepada info@pr1ma.my.

-TAMAT-

Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) iaitu salah sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012 dan bertanggungjawab di dalam pembangunan kediaman mampu milik berkualiti tinggi untuk rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA dibina dengan konsep holistik, iaitu turut memberi penekanan kepada pembangunan komuniti lestari.

Amalan mampan diguna pakai untuk membangunkan kediaman PR1MA, manakala konsep "Rumah Kita, Komuniti Kita" menekankan kehidupan masyarakat yang moden dan harmoni. PR1MA menggalakkan pengintegrasian nasional melalui program pembangunan komuniti dan keluarga berdasarkan lima (5) prinsip: Sihat, Saku, Sayang, Selamat dan Suasana. Tambahan juga, PR1MA membina ekosistem pemilikan rumah yang komprehensif buat rakyat Malaysia agar mereka dapat menikmati keselesaan kediaman PR1MA bersama keluarga. Ini termasuk menyediakan ketersambungan internet berkelajuan tinggi melalui PR1MA Communications Sdn Bhd (PCSB), menyediakan pengurusan aset dan kemudahan berkualiti melalui PR1MA Facilities Management Sdn. Bhd. (PFMSB), serta memudahkan pembiayaan perumahan bagi para pembeli.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Perspective Strategies

Amiruddin Azran (amiruddin.azran@perspective.com.my / +6011-11452867)

PR1MA

Khairul Faizi Dala'il (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)